

PASUKAN KRIKET (L) KEBANGSAAN RAIH EMAS DI KEJOHANAN SUKAN SEA

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2350-pasukan-kriket-l-kebangsaan-raih-emas-di-kejohanan-sukan-sea

KINRARA, 25 Ogos 17 - Pasukan Kriket (Lelaki)

Kebangsaan yang diperkuat oleh tujuh atlet dari TUDM telah berjaya memenangi pingat emas yang berlangsung di Oval Kinrara semalam.

Tim kriket Malaysia yang diketuai oleh Kpl U Anwar Arudin telah memenangi semua perlawanan kriket format 50 over dalam peringkat kumpulan.

Malaysia telah meraih pingat emas dengan penuh bergaya setelah menang besar menentang pasukan Indonesia.

Dalam perlawanan tersebut, menyaksikan Kpl U Anwar Arudin beraksi cemerlang apabila melakukan 162 larian daripada 108 bola telah membantu Malaysia untuk memastikan pingat emas.

Upacara penyampaian pingat turut disaksikan oleh AKS Materiel, YBhg Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM, Timbalan AKS P&P, YBhg Brig Jen Muhammad Mudzamir Ong Abdullah TUDM dan YBhg Kol Mohamad Shuairee Abdullah TUDM. Pasukan Kriket Kebangsaan akan terus beraksi bagi merangkul satu lagi pingat emas dalam acara kriket T20 pula.

